



**JABATAN TIMBALAN NAIB CANSELOR (HEP)
UNIVERSITI TEKNOLOGI MALAYSIA
81310 UTM JOHOR BAHRU, JOHOR**

NO. SEBUT HARGA SHJ080000/2022/01/AMD

**TAJUK SEBUT HARGA: PERKHIDMATAN MENGAMBIL GAMBAR, MENCETAK DAN PENYERAHAN GAMBAR
GRADUAN SEMPENA MAJLIS KONVOKESYEN KE-65 DAN KE-66 TAHUN 2022, UNIVERSITI TEKNOLOGI
MALAYSIA JOHOR BAHRU.**

NOTIS SEBUT HARGA

Penyebutharga adalah dipelawa kepada pembekal-pembekal yang berpengalaman dan berdaftar dengan Kementerian Kewangan Malaysia dibawah Kepala **010501, 221303** dan yang masih dibenarkan membuat tawaran buat masa ini bagi **perkhidmatan mengambil gambar, mencetak dan penyerahan gambar graduan sempena Majlis Konvokesyen ke-65 dan ke-66 tahun 2022, Universiti Teknologi Malaysia, Johor Bahru.**

Dokumen Sebut Harga boleh didapati mulai **14 Mac 2022** sehingga jam **12.30** tengahari, **31 Mac 2022** di **Jabatan Timbalan Naib Canselor (HEP), Universiti Teknologi Malaysia, Johor Bahru semasa waktu pejabat Ahad hingga Khamis** (8.30 pagi – 4.30 petang). Dokumen Sebut Harga **TIDAK** akan dijual selepas tempoh ini.

Borang Sebut Harga yang telah dilengkapkan hendaklah dimasukkan ke dalam sampul surat bermetri bertanda **SHJ080000/2022/01/AMD** dan dimasukkan ke dalam **Peti Sebut Harga** yang terletak di **JABATAN TIMBALAN NAIB CANSELOR (HEP), ARAS 2 & 3 BANGUNAN SUB, UTM Johor Bahru sebelum atau pada 31 Mac2022, jam 12:30 tengahari**. Sebarang pertanyaan, boleh menghubungi Pn. Nur Fatimah (017-3781104) atau Pn. Siti Najwa (012-9410141).

Butiran bagi pembelian dan penghantaran sebutharga;

Pembida hendaklah **membuat temujanji sehari sebelum** proses pembelian (pengambilan dokumen sebutharga) atau penghantaran sebutharga. Temujanji boleh dibuat dengan **menghubungi terus atau whatsapp Pn. Nur Fatimah di talian 0173781104.**

Tarikh Buka : **14 Mac 2022 (8.30 pagi)**

Tarikh Tutup : **31 Mac 2022 (12.30 tghari)**

Masa operasi Pej HEP : **8.30 pg hingga 4.30 petang (Ahad-Khamis)**

*Cuti : 23 Mac 2022 (Hari Kelepasan Am Negeri Johor)

Semua pembida sebut harga yang ingin masuk ke dalam kampus dalam tempoh sebut harga dibuka mestilah mengikut SOP masuk kampus bagi orang awam:

Semasa Proses Pembelian:

1. Masuk ikut Pintu 1/Utama UTM
2. Memakai Pelitup Muka (Double Face Mask)
3. Mengambil pas masuk pelawat di pintu 1/Utama UTM dan meninggalkan lesen memandu yang sah
4. Masuk ke lokasi bermasa (10minit) untuk membeli sebut harga dan keluar semula ke Pintu 1/ Utama UTM.
5. Perlu membuat temujanji **sehari sebelum** pembelian/pengambilan naskhah sebut harga.

Semasa Proses Penghantaran Sebut Harga:

1. Masuk ikut Pintu 1/Utama UTM dan memakai pelitup muka.
2. Mengambil pas masuk pelawat di pintu 1/Utama UTM dan meninggalkan lesen memandu yang sah
3. Masuk ke lokasi bermasa (10minit) sama ada untuk membeli sebut harga atau untuk memasukkan sebut harga ke peti sebut harga dan keluar semula ke Pintu 1/ Utama UTM.
4. Menyerahkan pas pelawat dan mengambil semula lesen memandu (pastikan lesen diri sendiri) dan keluar kampus.

**** Sebarang Perubahan Masa adalah tertakluk kepada arahan Kementerian Kesihatan Malaysia.**